



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**3 Notis Amaran dan 1 Notis Penyitaan dikeluarkan  
semasa operasi bersepadu bulanan JPES dan SDT**

1. Operasi bersepadu baru-baru ini yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) mendapati dua (2) buah premis perniagaan melakukan kesalahan Akta Kawalan Harga Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya iaitu menjual barang dikawal harga bagi minyak masak dan susu tepung formula anak damit melebihi harga maksimum yang ditetapkan serta gagal memaparkan tanda harga bagi barang yang dijual di dalam premis perniagaan. Ketidakpatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 ini telah menyebabkan sebanyak tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan.
2. Manakala pihak Unit SDT telah mendapati sebanyak sebelas (11) unit alat sukat dan timbang sedang digunakan dalam aktiviti perdagangan. Satu (1) unit alat timbangan kepunyaan Syarikat Afifah Trading Company gagal mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan Dan Timbangan, 1994 Bab 3 (1) dan (2) iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang tidak berdaftar. Pihak syarikat juga telah dikeluarkan Notis Penyitaan dan alat tersebut telah disita. Dalam pada itu, pihak syarikat dikehendaki hadir ke Pejabat Unit SDT mengikut tадahan alat didaftarkan dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bertugas dari tarikh notis dikeluarkan bagi memperbetulkan isu berkenaan.
3. Operasi bersepadu bulanan ini dilaksanakan ke atas premis-premis perniagaan di Daerah Tutong. Operasi ini adalah bagi menguatkuasakan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dalam memastikan para peniaga-peniaga sentiasa mematuhi harga maksimum yang ditetapkan ke atas barang yang dikawal harga, mempamerkan tanda harga yang jelas dan tidak mengelirukan serta memastikan alat-alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan adalah berdaftar dan tidak mansuh.

4. Dalam kesempatan ini, JPES dan Unit SDT menyarankan orang ramai untuk menyalurkan aduan rasmi beserta dokumen sokongan jika mendapati mana-mana peniaga yang melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.
5. Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut:
  - i. Akta Kawalan Harga, Penggal 142 : Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123, aplikasi PenggunaBijak dan emel [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn); dan
  - ii. Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 : Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui emel [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn).

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: [dca@jpes.gov.bn](mailto:dca@jpes.gov.bn)

Rujukan : ( 41 )JPES/CAD/AKTA/Pt.12  
Tarikh : 28 Sya'ban 1446 / 27 Februari 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE**

**3 Warning Notices and 1 Seizure Notices  
were issued during the monthly joint operation DEPS and SDT**

1. The recent joint operation between the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) and the Weights and Measures Unit (SDT), two (2) business premises were found to be infringing the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations for selling price-controlled cooking oil and formulated powdered infant milk above the set maximum price as well as failing to display prices on some items sold in the business premises. Three (3) Warning Notices were issued for these infringements.
2. Meanwhile, SDT Unit found eleven (11) units of weighing machines used for trading purposes. One (1) unit owned by Syarikat Afifah Trading Company failed to comply with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151, Weights and Measures (Verification) Regulations, 1994 Chapter 3 (1) and (2) for using unregistered weighing machine. The company has issued a Seizure Notice and the weighing machine has been confiscated. The company is required to report to the Weights and Measures Unit Office within seven (7) working days from the date the notice was issued.
3. The monthly joint operation inspected business premises in Tutong District to enforce the Price Control Act, Chapter 142 and its Regulations as well as the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 to ensure business compliance on selling price controlled goods within the maximum prices set, displaying clear and consistent price labels, and ensuring weight and measure equipment for commercial purposes are registered and not expired.
4. DEPS and SDT Unit encourage the public to lodge official complaints along with supporting documents if they encounter any businesses infringing the Price Control Act, Chapter 142, and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151.

5. Any inquiries on the related issues can be reported to the following official channels;
  - i. Price Control Act, Chapter 142 : Department of Consumer Affairs, DEPS through Talian Darussalam 123, PenggunaBijak app and email [consumercomplaint@jpes.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpes.gov.bn); and
  - ii. Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 : SDT Unit, Industry and Business Ecosystem Division through email [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn).

#####

Prepared by:  
Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Email: [dca@jpes.gov.bn](mailto:dca@jpes.gov.bn)

Reference : ( 41 )JPES/CAD/AKTA/Pt.12  
Date : 28 Sya'ban 1446 / 27 February 2025